

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. NUIING JELUING

TARIKH : 9 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme subsidi bagi perkhidmatan udara luar bandar MASwings di Sarawak. Baru-baru ini diumumkan kenaikan harga tambang luar bandar secara drastik untuk beberapa laluan dari tiga hingga empat kali kadar semasa (yang kemudian ditarik balik selepas protes). Apakah peranan Kementerian dalam menentukan tambang penerbangan untuk penerbangan MASwings.

JAWAPAN:

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menandatangani perjanjian *Public Service Obligation Agreement for Rural Air Services (PSO for RAS)* dengan MASwings Sdn. Bhd. (MASwings) pada 4 Januari 2019 bagi meneruskan penyediaan operasi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) di Sabah dan Sarawak untuk tempoh 6 tahun iaitu bermula 2019 hingga 2024.
2. Di bawah Perjanjian ini, mekanisme pemberian subsidi diubah daripada mekanisme yang berdasarkan kerugian operasi RAS dan insentif kewangan kepada mekanisme yang terikat dengan prestasi operasi dan kewangan. Insentif diberikan dalam bentuk pembayaran yuran pengurusan (*management fee*) tertakluk kepada prestasi operasi dan kewangan. Manakala, pengenaan bayaran penalti akan dikenakan kepada MASwings bagi perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tidak mencapai tahap KPI yang ditetapkan.
3. Kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Julai 2011. Harga siling yang ditetapkan ini adalah tidak termasuk dengan bayaran lain seperti cukai, yuran dan caj.
4. Sehingga kini, tiada kenaikan harga siling yang telah dilaksanakan atau diumumkan oleh Kerajaan sejak 2011. Pihak operator iaitu MASwings yang melaksanakan perkhidmatan RAS tidak akan menaikkan tambang dengan sewenang-wenangnya kerana tertakluk kepada harga siling yang telah ditetapkan di bawah perjanjian *Public Service Obligation for Rural Air Service (PSO for RAS)*.
5. Kenaikan harga tambang luar bandar yang diumumkan oleh MASwings pada bulan September 2019 ialah hanya tambang kepada pelancong atau penumpang yang merupakan bukan warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut telah ditarik balik

bagi menyokong industri pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

6. Pihak MAVCOM selaku penasihat, pentadbir dan pengurus RAS di bawah Obligasi Perkhidmatan Awam (*Public Service Obligation* – PSO) sentiasa melaksanakan kajian semula siling kadar tambang dan ia ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama di antara Kementerian Pengangkutan, MAVCOM dan operator mengikut keperluan semasa. Kerajaan juga akan sentiasa memantau dan menetapkan siling kepada harga tambang ini agar kemudahan ini dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar pada kadar harga yang munasabah.

Sekian, terima kasih.